

29 APR 1998

Mahathir-kewangan

TAK PERLU KETATKAN LAGI DASAR KEWANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak perlu mengetatkan lagi dasar kewangannya kerana ia telahpun dilakukan.

"Kita telah mengetatkan sehingga sektor perniagaan bersungut mereka tidak dapat bernafas. Sampai tahap manakah yang mereka nak kita ketatkan?" kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas satu perjumpaan dengan semua Ketua Bahagian Umno di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai satu laporan Tabung Kewangan Antarabangsa yang mahu Malaysia mengetatkan dasar kewangan negara ini.

Mengenai saranan IMF agar syarikat-syarikat tidak harus diselamatkan, Dr Mahathir berkata : "Ia bergantung kepada bagaimana kita takrif 'bail-out' (diselamatkan)".

"Jika sesebuah syarikat tidak diuruskan dengan baik dan kita campur tangan dengan menggunakan wang rakyat, itu salah. Apabila mereka menurunkan nilai ringgit dan menekan nilai saham, mana-mana syarikatpun akan lingkup," katanya.

Beliau menyebut sebagai contoh langkah kerajaan Amerika Syarikat membantu menyelamatkan Chrysler daripada menjadi bankrap apabila syarikat pembuat kereta itu kerugian separuh daripada modal sahamnya dan dolar Amerika merosot.

"Sudah tentunya ia bukan bail-out kerana ia tidak dilakukan di Malaysia. Tetapi jika ia berlaku di Malaysia, maka ia akan dianggap sebagai bail-out," katanya.

-- BERNAMA

ARA AZZ